



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 9/2020

ISU MURTAD YANG MENJADI TULAR DI MEDIA SOSIAL

1. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 217 :

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ ۖ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ
فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۖ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Bermaksud : “ Barangsiapa yang murtad di antara kamu daripada agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya ”.

2. Mutakhir ini, rata-rata para netizen didedah dan ditularkan di ruangan maya berkenaan dengan pengakuan berani daripada seorang lelaki yang disyaki berbangsa Melayu yang mengisytiharkan dirinya sebagai seorang penganut Kristian yang berstatus Pastor. Perisytiharan mengejutkan yang saya fikir merupakan suatu pernyataan ikhtiar, bukan sekadar pemakluman malah, beliau sendiri tahu kesan dan akibat daripadanya. Pernyataan beliau yang meyakini bahawa anutan barunya itu benar berdasarkan perubahan sikap yang kononnya bertambah baik berbanding ketika Islam adalah terlalu dangkal. Saya yakin benar bahawa beliau gagal memahami tentang Islam daripada sumber yang benar biarpun berada di persekitaran keluarga dan masyarakat Muslim. Keabsahan Islam tidak cuba dihayati di samping silauan tentang kepercayaan dan anutan lain yang diambil tanpa ilmu dan kefahaman yang betul.
3. Isu murtad bukanlah perkara baru dalam atmosfera dunia masa kini namun, sejarah mencatatkan berbondong-bondong manusia yang pernah mengecapi nilai Iman dan Islam pernah memilih tindakan keji ini seusai kewafatan Baginda Nabi SAW. Di Malaysia, saya pernah timbulkan isu ini kira-kira sedekad yang lalu yang barangkali menimbulkan keresahan terhadap masyarakat Islam malah, kedapatan juga para ilmuwan yang mempertikaikan kenyataan saya seolah-olah ianya pernyataan kosong tanpa dapatan fakta dan angka. Apa pun, perlu diingat bahawa virus murtad ini adalah terlalu bahaya yang tidak mungkin kita boleh meletakkan ia sebagai isu peribadi dan konflik kepercayaan sahaja. Sedarkah kita bahawa jika ianya konflik kepercayaan bersifat peribadi, mengapa begitu agresif Saidina Abu Bakar r.a memerangi golongan ini sewaktu zaman pemerintahan beliau? Ini menunjukkan betapa seriusnya kesalahan murtad ini yang merupakan perbuatan keji dan Allah SWT mengancam pelakunya dengan azab yang amat besar sepertimana firman-Nya dalam surah an-Nahl ayat 106 :

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ
مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾

Bermaksud : “ Barangsiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa kafir padahal hatinya tetap tenang dalam beriman (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, maka kemurkaan Allah menyimpannya dan baginya azab yang besar ”.

4. Saya ingin mengingatkan bahawa kita semua bertanggungjawab untuk menangani isu murtad ini secara kolektif, di saat kita disibukkan dengan penularan wabak COVID-19, persengketaan politik, kemelesetan ekonomi dan pelbagai ujian lain yang memungkinkan kita akan terleka dengan isu murtad yang terlalu penting ini. Oleh yang demikian, saya menyarankan beberapa perkara untuk kita menangani secara bersama antaranya :
 - i. Setiap individu hendaklah memberhentikan penyebaran klip video beliau daripada ditularkan kepada orang lain kerana ianya membawa kepada tindakan mempromosikan beliau secara tidak langsung.
 - ii. Membuat laporan kepada pihak berkuasa bagi menunjukkan kebencian terhadap perbuatan keji ini seperti laporan polis dan sebagainya yang difikirkan munasabah.
 - iii. Bersama menyedarkan pemerintah, pihak berkuasa dan seluruh lapisan masyarakat bahawa memelihara agama (*hifz ad-din*) berada di carta terpenting berbanding dengan maqasid yang lain.
 - iv. Tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat, para ibu bapa terhadap anak-anak, para guru terhadap anak didiknya, majikan terhadap pekerjanya perlu disedarkan dan dirasakan bahawa nilai Iman dan Islam adalah anugerah Allah SWT yang paling bernilai berbanding nilai harta benda di dunia ini.
 - v. Menegaskan bahawa isu murtad bukanlah hak individu seperti yang difahami sesetengah pihak atas prinsip kebebasan beragama, malah isu murtad merupakan isu keselamatan di bawah tanggungjawab kerajaan.

5. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada segenap lapisan masyarakat Islam agar kecemburuan kita terhadap sesuatu yang merosakkan nilai agama dan kepercayaan hendaklah didahulukan tanpa menunggu angka yang banyak untuk bertindak. Marilah kita menyedari bahawa dewasa ini kita bukan sekadar menghadapi krisis keruntuhan akhlak, konflik politik dan perpecahan umat, kecuaiian dalam beribadah, kelemahan meninggikan syiar Islam dan pembudayaan songsang tetapi kekhuatiran utama yang perlu disedari adalah permasalahan Iman dan kufur. Kealpaan, kecuaiian dan sikap sambil lewa kita dalam memelihara agama bakal menyumbang kelemahan dan kemunduran Islam di masa akan datang.



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

12 Sya'ban 1441 H (Isnin)
6 April 2020 M